

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Al-Qur'ān ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril secara *mutawātir*. Kandungannya telah menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia serta menjadi panduan bagi mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Segala perintah daripada Allah SWT adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap hamba untuk mentaati-Nya dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Selari dengan firman Allah SWT;

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِمَّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ١١٠﴾

Terjemahan: Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, (kerana kamu) menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman, namun kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

(Al-Qur'an, Āli'-'Imrān 3:110)

Berdasarkan nas al-Qur'ān tersebut jelas menunjukkan bahawa setiap muslim perlu menjadikan al-Qur'ān sebagai pegangan utama kehidupan bagi menjauhi kemurkaan dan menggecapi keredhaan Allah SWT.

Al-Qur'ān adalah sebuah kitab mukjizat kerana tidak akan ada makhluk yang mampu dan mustahil untuk menghasilkan sebuah kitab seperti al-Qur'ān sekalipun terdapat gabungan dan kesepakatan antara seluruh manusia dan jin. Sudah pasti perkataan makhluk tidak akan boleh menyamai perkataan Yang Maha Pencipta, yang tiada tandingan dan tara (Al-Maraghi, 1946). Sebagaimana yang direkodkan dalam surah al-Baqarah ayat 23;

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۚ ۲۳ ﴾

Terjemahan: Dan jika kamu meragui (al-Qur'ān) yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka buatlah satu surah yang sama dengannya dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah jika kamu orang-orang yang benar.

(Al-Qur'ān, Al-Baqarah 2:23)

Selanjutnya, kitab al-Qur'an ini telah diturunkan dalam bahasa Arab dan Rasulullah SAW berperanan menyampaikan kefahaman dan menjelaskan akidah, hukum-hakam dan sebagainya yang terdapat di dalam kandungan al-Qur'ān kepada umat manusia. Sebagaimana firman Allah SWT;

﴿ كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ۚ ۳ ﴾

Terjemahan: Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu Al-Qur'an yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya.

(Al-Qur'ān, Fuṣṣilat 41:3)

Namun demikian, bangsa Arab tidak berupaya dalam menandingi al-Qur'ān walaupun pada hakikatnya terdapat persamaan dengan aturan kalam mereka dari sudut lafaz, huruf mahupun gaya bahasanya terhadap al-Qur'ān. Hal ini kerana, al-Qur'ān memiliki hubungan huruf-huruf yang sepadan, frasa atau rangkaian kata indah, uslub yang menarik dan susunan ayat yang rapi. Hal ini, membuktikan kewujudan pada kemukjizatan al-Qur'ān pada sudut uslub al-Qur'ān atau gaya bahasa (Al-Alimah, n.d)

Sehubungan itu, dapat difahami al-Qur'ān al-Karim terkenal dengan kekayaan seni bahasa yang menarik disebut sebagai ilmu *balaghah* (retorik) dalam bahasa Arab. Seperti yang diketahui, ilmu *balaghah* mempunyai tiga bidang ilmu iaitu ilmu *al-ma'ani*, ilmu *al-bayan* dan ilmu *al-badi'*. *Al-Ma'ani* bermaksud asas dan prinsip bagi mempelajari kaedah yang bersesuaian pada kalimah diperlukan untuk sesuatu keadaan supaya sesuai dengan tujuan diberikan. Manakala, takrif *al-bayan* ialah ilmu pengetahuan yang boleh menjelaskan satu maksud pada gambaran yang pelbagai dan struktur yang berbeza-beza dalam menjelaskan petunjuk (الدلالة) dengan memadankan setiap satu daripadanya mengikut keadaan yang berlaku. Sementara itu, ilmu *al-badi'* ialah ilmu yang berkaitan bentuk-bentuk dan keistimewaan yang menjadikan ucapan baik dan diterima setelah menjaga kesesuaian dengan keperluan keadaan yang disebutkan serta menjelaskan dalil tentang apa yang diketahui oleh ulama (Al-Maraghi, 1952).

Selain itu, al-Qur'ān juga mempunyai ungkapkan berbentuk metafora seperti perumpamaan, kiasan dan sebagainya. Namun demikian, di dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan kepada ayat *amthāl* al-Qur'ān atau konteks ayat berbentuk perumpamaan yang terdapat di dalam al-Qur'ān. Abdul Rahman Habannakah

merumuskan terdapat enam objektif ayat *amthāl* yang dijelaskan melalui al-Qur'ān. Antaranya, memberikan sesuatu gambaran menerusi perumpamaan yang hampir dengan fikiran manusia, menyakinkan seseorang akan sesuatu perkara, menarik minat individu untuk melakukan sesuatu kebaikan atau memberi peringatan daripada melakukan sesuatu perkara mungkar, memuji dan mengeji sesuatu serta membantu meningkatkan tahap pemikiran seseorang (Al-Midani, 1980). Oleh itu, setiap pembaca yang mengamati ayat-ayat yang berkaitan dengan *amthāl* akan menemukan faedah serta manfaat daripadanya.

Seterusnya, *amthāl* al-Qur'ān yang dinyatakan di dalam al-Qur'ān terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *amthāl muṣarraḥah*, *amthāl kāminah*, dan *amthāl mursalah*. Menurut Manna' al-Qattan, definisi *amthāl muṣarraḥah* adalah sesuatu yang dinyatakan di dalamnya dengan lafaz perkataan *mathāl* atau apa-apa yang menunjukkan perbandingan. Manakala, *amthāl kāminah* pula bermaksud sesuatu ayat yang tidak menggunakan perkataan atau yang seumpama dengannya akan tetapi ia membawa maksud yang indah dan padat serta memberikan kesan yang tersendiri apabila dialihkan kepada ayat yang seakan dengannya. Selanjutnya, *amthāl al-mursalah* ialah sesuatu ayat tanpa menggunakan lafaz *tashbīh* secara jelas, malah ayat-ayat tersebut berperanan sebagai ayat *mathal* (Al-Qattan, 1976).

Justeru, setiap daripada bahagian ayat *amthāl* mempunyai sifat dan keunikan yang berbeza daripada segi penjelasan ayatnya di dalam al-Qur'ān. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih cenderung meneliti keseluruhan ayat *amthāl muṣarraḥah* kerana ia jelas mempamerkan kalimah *mathāl* berbanding dengan *amthāl kāminah* dan *amthāl mursalah* yang tidak menggunakan kalimah *mathal* tetapi memberi erti perumpamaan

mahupun perbandingan. Hal ini kerana, *amthāl muṣarraḥah* mudah dikenalpasti berbanding *amthāl kāminah* dan *amthāl mursalah* yang memerlukan lebih penelitian.

Sehubungan itu, pengkaji memilih Tafsir Pimpinan ar-Rahman yang ditulis oleh Sheikh Abdullah Basmeih kerana ia merupakan sebuah kitab tafsir rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi rujukan masyarakat sejak tahun 1968 (Wan Ramizah, 2019). Selanjutnya, pengkaji akan meneliti setiap terjemahan al-Qur'ān berbentuk *amthāl muṣarraḥah* pada kitab tersebut bagi melihat konteks ayat terjemahan tersebut bertepatan atau sebaliknya, kesesuaian terjemahan menerusi kitab-kitab tafsir pilihan serta merumuskan kaedah terjemahan yang terbaik.

Secara tuntas, pengkaji akan meneliti dan memahami setiap satu konteks terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam kitab Tafsir Pimpinan ar-Rahman secara menyeluruh. Sepanjang proses kajian dijalankan, pengkaji akan menilai ketepatan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* menerusi kitab *Mafāṭih al-ghayb* karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Hal ini kerana, tafsir al-Rāzī mempunyai tafsiran yang komprehensif dan kepelbagaian pandangan oleh pelbagai ulama pada satu-satu ayat. Bagi menilai kesesuaian terjemahan pula, pengkaji menggunakan tiga kitab muktabar pilihan iaitu Tafsir al-Qurtūbī karya al-Qurtūbī, Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm karya Ibnu Kathīr dan Tafsir al-Munir karya Wahbah al-Zuhayli. Pemilihan kitab tafsir dibuat berdasarkan perbezaan zaman, kaedah penterjemahan serta diterima pakai dalam kajian tafsir.

Kajian ini juga akan mengemukakan secara ringkas latar belakang pengarang tafsir yang dikaji, konsep ayat *amthāl* dan pembahagiannya, mencari ketepatan serta kesesuaian terjemahan ayat ini. Hasilnya akan didapati melalui perincian terhadap terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* mengikut objektif kajian dibuat serta merumuskan kaedah yang terbaik daripada hasil penilaian terhadap Tafsir Pimpinan ar-Rahman.

1.2 Permasalahan Kajian

Al-Qur'ān diturunkan dalam bahasa Arab yang indah sebagai panduan bagi seluruh umat manusia. Namun, terdapat kekangan dalam memahami al-Qur'ān kerana ia ditulis dalam bahasa Arab, dan tidak semua orang menguasai bahasa ini. Kekangan ini menyebabkan ramai di kalangan masyarakat sukar memahami maksud sebenar ayat-ayat al-Qur'ān khususnya masyarakat Melayu. Oleh itu, terjemahan al-Qur'ān ke dalam pelbagai bahasa menjadi sangat penting sebagai rujukan untuk membantu mereka memahami kandungannya. Dengan merujuk kepada terjemahan yang sahih dan tafsiran yang betul, masyarakat dapat lebih memahami dan menghayati ajaran-ajaran al-Qur'ān, serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian dengan lebih tepat. Begitu juga dengan terjemahan ayat *amthāl*. Menurut Muhammad Arif Musa et al (2018), ia tidak boleh diterjemah berdasarkan zahir sahaja kerana ia memerlukan kepada keterangan lanjut.

Di samping itu, terdapat permasalahan lain dalam terjemahan ayat *amthāl* yang menggunakan perkataan yang asal tanpa terjemahan. Hal ini akan menyebabkan para pembaca tidak dapat mengambil pengajaran melalui terjemahan tersebut. Namun demikian, kenyataan tersebut didukung oleh kajian terhadap terjemahan Mahmud Yunus yang memiliki kaedah yang baik dalam menerangkan terjemahan ayat *amthāl* dengan meletakkan kurungan pada tafsiran tambahan serta komentar tambahan di nota kaki. Namun, terdapat sebahagian tempat beliau hanya menterjemahkan terjemahan ayat *amthāl* tanpa penghuraian tambahan (Muhammad Arif et al., 2019)

Akhir sekali, Lubis (2004) dalam kajian yang bertajuk "*Penterjemahan Makna al-Qur'an: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Qur'an*"

menyatakan bahawa di Malaysia telah berlaku perkembangan yang pesat dalam kegiatan terjemahan al-Qur'ān sejak dahulu lagi. Namun, tiada manual atau kaedah yang sistematik dan diiktiraf dalam proses penterjemahan tersebut. Perkara tersebut akan memberikan isu dan kesan yang buruk dalam terjemahan al-Qur'ān serta menimbulkan kekeliruan terhadap pembaca. Majoriti isu tersebut adalah disebabkan kekurangan dalam penguasaan bahasa asal al-Qur'ān dan kefahaman terhadap kandungannya (Ahmad Bazli et al., 2014).

Justeru, satu kajian perlu dilakukan bagi meneliti tahap ketepatan dan kesesuaian terjemahan yang dikemukakan oleh para penterjemah al-Qur'ān supaya maksud yang tersurat dan tersirat dapat difahami oleh pembaca dengan sempurna. Kajian ini akan dilakukan terhadap Tafsir Pimpinan ar-Rahman sebagai kitab terjemahan paling luas penerimaan dalam kalangan masyarakat dan pihak berautoriti agar satu rumusan terhadap kaedah terjemahan terbaik bagi ayat *amthāl* dapat dihasilkan.

1.3 Objektif Kajian

- i. Menerangkan konsep ayat *amthāl* secara terperinci.
- ii. Menilai ketepatan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman berdasarkan tafsiran Fakhr al-Din al-Razi melalui kitab *Mafāṭīḥ al-Ghayb*.
- iii. Merumuskan tahap kesesuaian gaya terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam menyampaikan makna tersirat di sebalik perumpamaan tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah yang dimaksud dengan konsep ayat *amthāl* ?
- ii. Sejauh manakah ketepatan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman berdasarkan tafsiran Fakhr al-Din al-Razi melalui kitab *Mafāṭīḥ al-Ghayb*?
- iii. Bagaimanakah rumusan tahap kesesuaian gaya terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam menyampaikan makna tersirat di sebalik perumpamaan tersebut?

1.5 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan elemen yang terpenting di dalam setiap kajian yang hendak dilakukan. Hal ini kerana, metodologi kajian merangkumi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian berperanan menjadikan kajian yang dihasilkan lebih sistematik dan tersusun dalam mencapai objektif. Kajian ini telah melibatkan beberapa metodologi untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan bagi memperoleh hasil dapatan yang bermutu.

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kualitatif. Secara umumnya, Strauss dan Corbin (1997) mendefinisikan kajian kualitatif adalah setiap kajian yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan (Strauss & Corbin, 1998). Manakala, Creswell (1994) memberi maksud kajian kualitatif ialah satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui

pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi (Creswell, 1998). Oleh demikian, pengkaji telah memilih kaedah kajian kualitatif kerana lebih sesuai dan efektif untuk diaplikasikan di dalam kajian yang hendak dilaksanakan.

Bagi metode pengumpulan data pula, pengkaji akan menggunakan beberapa metode seperti metode penentuan subjek, metode historis, kajian perpustakaan, penyelidikan IT dan *Maktabah al-Shāmilah*. Pada permulaan kajian, pengkaji telah menggunakan metode penentuan subjek. Metode penentuan subjek bermaksud kaedah yang ditentukan oleh pengkaji terhadap kajian agar jelas akan sesuatu yang hendak dikaji. Kaedah ini dianggap penting untuk memulakan kajian bagi membina struktur kajian yang dirangka lebih tersusun. Maka setelah perbincangan dan pertimbangan yang dilakukan, pengkaji telah bersetuju memilih terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* sahaja berpandukan kitab tafsir terjemahan yang dipilih dalam bahasa Melayu iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman.

Sementara itu, Louis Gottschalk menyatakan metode historis ialah satu proses menguji dan menganalisis secara kritis rakaman dan peninggalan zaman lalu (Herlina, 2020). Metode historis akan membantu dalam mengumpulkan data-data kajian yang dibuat. Metode ini digunakan sebagai satu penelitian dan penyelidikan terhadap sumber-sumber yang mengandungi elemen sejarah bagi membantu memperolehi data yang berkaitan dengan biografi pengarang Tafsir Pimpinan ar-Rahman dengan merujuk pelbagai buku sejarah tafsir seperti *Khazanah Tafsir Nusantara* oleh Mustaffa Abdullah, *Biografi Ulama Malaysia: Sheikh Abdullah Basmeih* dan lain-lain buku yang berkaitan. Disamping itu, metode ini juga akan merungkai secara ringkas perkembangan tafsir yang bermula pada zaman Nabi sehingga ke persada kepulauan alam Melayu.

Tambahan itu, terdapat hal-hal yang menyentuh tentang kajian lepas bagi memastikan tiada data yang bercanggah diantara satu sama lain dan memelihara kualiti kajian yang hendak dilaksanakan.


Seterusnya, kajian perpustakaan bertujuan untuk mengukuh dan menjelaskan lagi tentang kajian yang hendak dijalankan. Dalam hal ini, pengkaji akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, tesis, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber *literature* lainnya yang berkaitan. Oleh demikian, beberapa buah perpustakaan telah menjadi tumpuan pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan kajian. Antaranya, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan lain-lain perpustakaan yang berdekatan jika perlu. Kajian perpustakaan ini dijangkakan akan menyokong kesempurnaan kajian pengkaji.

Selain itu, penyelidikan IT (*internet*) juga dilakukan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian sama ada berbentuk teks dan sebagainya. Manakala, perisian *Maktabah al-Shāmilah* digunakan untuk mencari tafsiran terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* di dalam kitab arab yang dijadikan sebagai sandaran di dalam kajian ini. Sebagai contoh, kitab *Amthāl al-Qur'ān* oleh Mahmud Syarif dan *Kitab Amthāl al-Qur'ān* oleh Ibnu Qayyim dan kitab-kitab tafsir yang lain juga akan dirujuk bila perlu.

Setelah melalui beberapa metode pengumpulan data, maka data-data yang didapati perlu dianalisis terlebih dahulu untuk memperoleh hasil dapatan kajian yang bermutu. Maka, data tersebut akan diteliti melalui beberapa metode iaitu metode induktif dan metode deduktif. Romae Chapakiya memetik pernyataan Imam Barnabid tentang definisi metode induktif bermaksud corak berfikir yang mencari pembuktian

daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan dalil yang umum dan definisi bagi metode deduktif ialah teknik menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan corak berfikir bagi mencari pembuktian menerusi dalil yang umum kepada perkara-perkara khusus (Romae Chapakiya, 2004).

Pengkaji akan menggunakan metode induktif bagi menganalisis data yang telah dikumpulkan daripada kitab Tafsir Pimpinan ar-Rahman dengan bersandarkan kitab al-Razi untuk membuat penilaian iaitu dengan mendapatkan ketepatan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah*. Akhir sekali, pengkaji akan menggunakan metode deduktif berfungsi untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih khusus terutamanya dalam menentukan rumusan kaedah yang tepat daripada hasil penilaian kesesuaian terjemahan terhadap Tafsir Pimpinan ar-Rahman menerusi kitab tafsir pilihan yang muktabar.



Rajah 1:1: Proses Pengumpulan Data

1.6 Kepentingan Kajian

Selaras dengan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka kepentingan kajian ini akan memberi manfaat terhadap sosial dan akademik. Dari sudut sosial, kajian ini akan menumpukan kepada masyarakat Islam khususnya tentang kepentingan dalam memahami terjemahan ayat *amthāl*. Terjemahan ayat *amthāl* memerlukan penjelasan yang teliti dengan menggunakan kaedah terjemahan yang sesuai dan tepat. Hasil dapatan kajian yang dikumpulkan melalui kajian ini akan meningkatkan kefahaman masyarakat Islam terhadap terjemahan ayat *amthāl* berdasarkan penilaian dan rumusan yang dilaksanakan. Jika dihayati dengan sebaiknya, maka keberhasilan kajian akan membantu meningkatkan tahap kefahaman dan tujuan penyampaian ayat *amthāl* tersebut.

Seterusnya, dari sudut akademik pula akan menjelaskan kaedah dan gaya bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menurut tafsir kajian yang dibuat. Oleh itu, terjemahan bahasa Melayu sangat diberi perhatian agar tidak disalah tafsir dan mudah difahami oleh para pembaca. Jika teks ayat tersebut tidak memberikan terjemahan yang mencukupi, maka mesej serta iktibar yang ingin Allah SWT sampaikan kepada umat Islam tidak tercapai. Justeru, kajian ini akan menekankan aspek penilaian ketepatan serta kesesuaian terjemahan terhadap ayat *amthāl muṣarraḥah* yang diterjemahkan ke bahasa Melayu berlandaskan beberapa kitab tafsir pilihan.

Selain itu, kajian ini akan dilaksanakan bagi meluaskan lagi kefahaman dan pengetahuan pembaca terhadap terjemahan al-Qur'ān berbahasa Melayu khususnya ayat *amthāl*. Jika dipelajari sesebuah ilmu terutama dalam bidang *ulum al-Qur'ān* dengan sempurna maka ia akan membawa jiwa pembaca lebih dekat untuk memahami dan mengetahui pengajaran-pengajaran yang terindah daripada ayat al-Qur'ān tersebut.

Disamping itu, pembaca juga akan turut terdedah dengan keserasian ayat antara satu sama lain dengan penggunaan bahasa yang jelas.

Bagi golongan yang bukan muslim pula, mereka mempunyai peluang yang baik untuk mempelajari al-Qur'ān kerana ia memudahkan mereka memahami konteks ayat dengan baik. Peranan interpretasi al-Qur'ān amatlah besar, begitu juga terjemahan ayat *amthāl* kerana ianya memiliki kekuatan yang dapat menakluk jiwa manusia, menggugah perasaan hati dan nurani buat pembaca. Kesannya, ramai akan mengakui keesaan Allah SWT lantas mengimani akidah yang sebenar.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan memilih terhadap terjemahan al-Qur'ān berbahasa Melayu yang merangkumi 30 juzuk al-Qur'ān. Justeru kajian ini akan dijalankan terhadap sebuah kitab tafsir terjemahan:

- 1- Tafsir Pimpinan ar-Rahman karangan Sheikh Abdullah Basmeih.

Kajian ini dijangka untuk tidak berhadapan dengan sebarang masalah berkaitan sumber memandangkan sumber kajian boleh didapati dengan mudah.

1.8 Ulasan Literatur

Keperluan dalam meninjau ulasan literatur yang relevan amatlah penting untuk membangunkan hujah serta mengukuhkan kajian yang dibuat. Pengkaji juga telah menemukan maklumat-maklumat kajian daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, artikel, prosiding konferensi dan sebagainya. Kajian ini telah membahaskan beberapa

tema berkaitan sejarah al-Qur'ān, gaya bahasa al-Qur'ān, terjemahan al-Qur'ān, jurang kajian yang berkaitan.

1.8.1 Sejarah al-Qur'an secara umum

Al-Qur'ān merupakan mukjizat teragung dari Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai bimbingan bagi seluruh penduduk di muka bumi ini. Kandungan yang tertulis di dalam al-Qur'ān tidak akan bercanggah di antara satu sama lain dan bebas daripada campur tangan makhluk bahkan sering berkait rapat dengan fitrah kehidupan manusia. Maka, kewajipan sebagai seorang muslim hendaklah menjalani kehidupan mereka berlandaskan al-Qur'ān yang merupakan sebuah kitab petunjuk (Hūdallinnas) bagi seluruh umat manusia iaitu sebagai asas prinsip dalam segala persoalan kehidupan (Cahaya Khearoni, 2017). Oleh itu, kehebatan dan keistimewaan al-Qur'ān ini tiada tandingan, malah ia kekal sehingga hari akhirat.

Antara salah satu keistimewaan al-Qur'ān terletak pada keindahan bahasanya. Al-Qur'ān telah diturunkan dalam bahasa Arab. Hal ini merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 2 yang bermaksud “*Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Qur'ān dengan bahasa Arab, agar kamu memahaminya*” (Al-Qur'ān, n.d.). Meskipun, bahasa Arab adalah bahasa percakapan harian bagi masyarakat Arab, namun tidak mudah bagi mereka memahami kandungan al-Qur'ān begitu sahaja tanpa penjelasan kitab-kitab tafsir. Oleh demikian, masyarakat Arab yang hidup pada zaman Rasulullah SAW berpeluang merujuk segala kemusykilan kepada Nabi Muhammad kerana baginda merupakan sumber utama pentafsiran kalam Allah SWT (Fauzi Deraman & Mustaffa Abdullah, 2010).

Setelah kewafatan baginda SAW, hanya al-Qur'ān dan hadith yang ditinggalkan sebagai rujukan utama buat umat baginda yang tercinta. Namun, tidak dilupakan juga usaha dalam mengembangkan kefahaman al-Qur'ān ini telah dibuat sejak dahulu lagi oleh ulama-ulama mutaqqaddimin seperti Ibnu Kathīr, al-Suyūṭī, al-Qurṭubī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan ramai lagi untuk membantu masyarakat menekuni al-Qur'ān dengan lebih baik. Sehubungan dengan itu, pelbagai kitab tafsir telah wujud dan dikarang dalam bahasa Arab sebagai bahasa pengantar serta dihasilkan dalam jilid yang besar. Perluasan wilayah Islam dan perkembangan dakwah menjadikan salah satu faktor permintaan terhadap kitab tafsir meningkat bahkan ia menjadi sumber rujukan dan penghasilan tafsir dalam bahasa yang berbeza (Haziyah & Muhammad Hadi Moin, 2020).

1.8.2 Karya Terjemahan al-Qur'ān

Karya lain yang dapat memudahkan orang awam untuk memahami al-Qur'ān adalah melalui terjemahan al-Qur'ān kepada bahasa lain selain bahasa Arab. Impaknya dapat meringankan isu-isu yang dihadapi oleh para pembaca yang tidak memahami bahasa Arab untuk menghayati makna dan konteks ayat al-Qur'ān melalui terjemahan yang dibuat. Kemunculan karya terjemahan al-Qur'ān mula diambil perhatian dengan dua faktor yang mendorong iaitu meningkatkan keilmuan tentang Islam ke serata dunia khususnya bukan Islam dan menyeru mereka menerokai manfaat-manfaat daripada al-Qur'ān. Manakala, faktor yang kedua ialah memberitahu tentang bukti kebesaran Allah SWT dan perintahnya kepada seluruh umat Islam yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai medium interaksi (Khalid Mahmood Shaikh, 1999).

Tambahan lagi, al-Qur'ān kaya dengan ketinggian balaghahnya. Maka, penelitian yang terperinci perlu dilakukan dengan sebaiknya dalam penterjemahan al-Qur'ān ke

dalam pelbagai bahasa. Al-Qur'ān telah diturunkan dalam bahasa Arab, maka menjadi satu keperluan bagi seorang muslim untuk menelaah dan mendalaminya. Cabaran yang akan dilalui oleh pembaca adalah kesusahan memahami konteks ayat al-Qur'ān kerana tidak semua orang mampu dan berkebolehan akan tetapi boleh diatasi dengan cara menghayati terjemahan al-Qur'ān yang disediakan (Ahmad Bazli et al, 2014). Hal ini, disebutkan bahawa tidak semua lapisan masyarakat diberi keupayaan dan peluang untuk memahami al-Qur'ān (Mohd Shukri Hanapi, 2001).

Usaha penterjemahan al-Qur'ān telah muncul sejak zaman Rasulullah lagi walaupun berlakunya keterbatasan dalam menyampaikan dakwah atau penyebaran Islam. Sebagai contoh, Zaīd bin Thabīt telah diperintahkan oleh Rasulullah untuk mempelajari tulisan orang-orang YaHūdi. Lalu Zaid bin Tsabit mempelajari penulisan orang-orang YaHūdi dan berkata, "Demi Allah, sungguh aku tidak merasa aman kepada orang-orang YaHūdi terhadap tulisanku. Lalu aku mempelajarinya selama setengah bulan aku telah menguasainya (Al-Sijistani, n.d)." Tujuannya adalah agar beliau membaca dan membalas surat yang dihantar oleh orang YaHūdi kepada Rasulullah. Kebiasaannya jawapan tersebut akan melibatkan ayat dari al-Qur'ān. Maharaja Rom Heracles juga mempunyai penterjemah yang tersendiri untuk menafsirkan surat yang dikirim kepadanya oleh Nabi Muhammad SAW (Al-Bukhari, 1980).

Selanjutnya, Fatani (2006) telah memberi pandangannya tentang terjemahan al-Qur'ān yang pertama adalah pada abad ketujuh oleh Salman al-Farisi ke Bahasa Parsi. Kemudian al-Qur'ān telah diterjemahkan secara keseluruhan dibuat untuk penguasa Transoxiana dan Kurasān, Mansūr bin Nūḥ al-Samāny, ke dalam bahasa Parsi, Turki dan Barat setelah ulama Muslim menandatangani fatwa yang membenarkan terjemahan al-Qur'ān pada tahun 956M. Hal ini menyakinkan bahawa keputusan yang dibuat

adalah untuk membuka jalan era baru bagi kemajuan terjemahan sains al-Qur'ān dan al-Qur'ān secara umum. Fatani (2006) menerangkan bahawa terjemahan menjadi asas untuk versi Turki pertama. Tambahan pula, kadar penterjemahan telah meningkat ketika ramai orang bukan Arab masuk ke dalam Islam dan ingin mengetahui lebih banyak mengenai hukum-hakam dan pengajarannya (Khalaf & Yusoff, 2012)

Seterusnya, muncul buku berjudul *Lex Mahumet Pseudroprophete* yang merupakan terjemahan al-Qur'ān pertama oleh orientalis pada tahun 1143. Abad ke-13 sehingga abad ke-20, karya ini telah menjadi inspirasi dan faktor kemunculan berbelas-belas terjemahan lain dalam bahasa Perancis, Itali, Belanda, Jerman, Inggeris dan Rusia. Namun, mereka menterjemah berasaskan terjemahan Latin dan bukannya dari bahasa asli al-Qur'ān itu sendiri. Bagi sarjana Muslim yang telah berkecimpung dalam tafsiran al-Qur'ān dapat di kesan pada awal abad 20 seperti *The Holy Quran Translated with Short Notes* oleh Muhammad Abdul Hakim Khan pada tahun 1905, *An English Version of the Holy Quran in Verse* oleh M. A Rahman pada tahun 1926 dan *The Holy Quran, Text, Translation and Commentary* pada tahun 1934 oleh Abdullah Yusuf Ali (Haziyah Hussin & Muhammad Hadi Moin, 2020)

Manakala, perkembangan terjemahan al-Qur'ān di alam Melayu telah bermula pada abad ke-17. Kemunculan idea terjemahan telah diinspirasi oleh ulama tersohor dari Aceh, Indonesia iaitu 'Abdul Ra'uf'Ali al-Fansuriy (1102H) yang telah berusaha menterjemahkan kitab tafsir *al-Baydhawiy 'Anwar al-Tanzil Wa Asrar al-Ta'wil*, karya al-Qadhiy Abi Sa'id 'Abdullah bin 'Umar. Meskipun bukan penterjemahan langsung dari al-Qur'ān dan masih belum lengkap tetapi sumbangan beliau amat besar dan disanjung oleh orang ramai dan sekaligus memberi inspirasi kepada ulama-ulama yang lain. Ini merupakan kunci atau pembuka jalan bagi permulaan perkembangan

terjemahan Al-Qur'ān khususnya di kepulauan alam Melayu (Mohd. Shukri Hanapi, 2001).

Usaha menterjemah al-Qur'ān di Malaysia telah diteruskan oleh Syeikh Abdul Malik atau lebih dikenali sebagai “Tok Pulau Manis”. Beliau berasal dari Terengganu dan merupakan anak murid kepada ‘Abdul Ra’uf ‘Ali al-Fansuriy. Di samping itu, Tok Pulau Manis juga pernah belajar di Aceh dan sempat menyalin serta mengajar kitab tafsir karya gurunya iaitu *Tarjuman Mustafid* pada abad 18M di Malaysia (Haziyah Hussin & Muhammad Hadi Moin, 2020). Di Kelantan pula, terkenal dengan ulama yang hebat iaitu Tok Kenali yang telah meluaskan lagi pangajian tafsir disana. Beliau telah bermula mendapat pendidikan di pengajian bersama ulama di Kelantan, kemudian menyambung pengajiannya di Makkah. Setelah selesai pengajian disana, Tok Kenali terus menubuhkan pondok di Kampung Kenali, Kota Bharu. Sumbangan Tok Kenali dalam mengusahakan menterjemahkan sebahagian daripada kitab tafsir “*al-Khazin*” dan Ibn Kathir, akan tetapi ianya tidak sempat untuk dicetak (Ismail Yusoff, 1995).

Kemudian, telah muncul Kitab Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Sa'id bin Umar pada tahun 1934 yang merupakan sebuah kitab tafsir sulung yang lengkap yang telah menjadi simbol kepada kemunculan kepada penterjemah-penterjemah yang lain seperti Syed Syeikh al-Hadi, Haji Osman Muhammad, Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi, Syeikh Abu Bakar al-Ashaari, Maulana Abdullah Nuh dan beberapa pentafsir yang lain. Selain itu, terdapat juga usaha menterjemah kitab tafsir Arab oleh Dato' Yusoff Zaky Yacob yang popular dengan terjemahannya iaitu *Tafsir Fi Zilal Al-Qur'ān – Di Bawah Bayangan Al-Qur'ān* (Mustaffa Abdullah, 2011). Jasa dan sumbangan dalam pentafsiran yang diusahakan oleh ulama-ulama yang terkenal ini amat dihargai

dan disanjung, malah akan sentiasa menjadi rujukan kepada masyarakat kelak khususnya ahli akademik dan pelajar.

Di samping itu, kajian ini memilih Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih yang merupakan sebuah kitab tafsir terjemahan al-Qur'an berbahasa Melayu termasyhur di Malaysia. Kitab tafsir terjemahan ini telah menerima sambutan yang sangat positif, khususnya kalangan masyarakat Melayu (Nasimah Abdullah, 2015). Hal ini kerana, beliau menggunakan laras bahasa yang mudah dan senang difahami oleh para pembaca kerana ia memiliki keterangan yang diletakkan bersama nota kaki bagi menjelaskan terjemahan ayat al-Qur'an yang memerlukan terjemahan terperinci (Ismail Yusoff, 1995). Selain itu, ia dapat memupuk rasa cinta yang tinggi terhadap pembaca tentang keindahan dan hikmah daripada al-Qur'an.

Terjemahan al-Qur'an telah dibahagikan kepada dua iaitu *harfiyyah* dan *tafsiriyyah*. Terjemahan secara *harfiyyah* bermaksud menukarkan perkataan dengan perkataan, manakala terjemahan secara *tafsiriyyah* adalah penjelasan maksud percakapan ke bahasa lain tanpa menghiraukan susunan dan setiap perkataan. Majoriti ulama berpandangan terjemahan secara *tafsiriyyah* adalah dibenarkan kerana tidak terdapat perkara yang dilarang dan terjemahan *harfiyyah* pula adalah haram dan mustahil. Hal ini kerana, ia mempunyai syarat-syarat yang tidak dipenuhi. Akan tetapi, sebahagian ulama ada menyatakan sesetengah ayat sahaja yang boleh dilaksanakan secara *harfiyyah*. Hukumnya tetap haram kerana ianya tidak akan mungkin menyampaikan maksud dengan sempurna dan tidak memberi kesan pada jiwa (Fadhlan Mohd Othman, 2016)

1.8.3 Gaya Bahasa al-Qur'ān

Al-Qur'ān ini tidak asing lagi dengan keindahan gaya bahasa tersendiri yang berfungsi untuk menjadikan sesebuah karya mempunyai keseragaman bahasa yang cantik dan sempurna (Siti Sarah, 2013). Gaya bahasa al-Qur'ān memainkan peranan yang penting dalam menginterpretasi makna ayat-ayat tersebut. Maka, wujudlah pelbagai metafora-metafora yang menarik dan artistik di dalam kitab suci al-Karim. Metafora berlaku disebabkan keindahan susun atur ayatnya, kehalusan gaya bahasa yang membolehkan kita menikmati akan keindahannya. Menurut Siti Sarah (2012) dalam kajiannya menerangkan bahawa uslub yang dimiliki al-Qur'ān amatlah indah, puitis dan sukar dicabar (Siti Sarah & M.Y.Zulkifli, 2012)

Metafora bermaksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan) (*Kamus Dewan Edisi Ke-4*, 2007). Menurut *Longman Dictionary of Contemporary English* pula maksud metafora ialah satu kaedah yang menjelaskan sesuatu perkara dengan merujuk sesuatu perkara yang lain dan mencadangkan perkara tersebut mempunyai kualiti perumpamaan terhadap perkara tersebut (*Longman Dictionary of Contemporary English*, n.d.). Jika diteliti, metafora tidak dijumpai di dalam ilmu bahasa Arab. Hal ini kerana, metafora diletakkan sebagai ilmu kesusasteraan seperti ilmu kesusasteraan bahasa Melayu, ilmu kesusasteraan bahasa Inggeris dan sebagainya. Namun, ilmu kesusasteraan Arab disebut sebagai ilmu *balaghah* yang dibahagikan kepada tiga iaitu ilmu *ma'ani*, ilmu *bayan* dan ilmu *badi'* (Al-Qazwini, n.d.).

Istilah "*balaghah*" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermakna "petah, fasih (bercakap)". Menurut Abu Hilal al-Askariy memberikan maksud *balaghah* ialah

setiap sesuatu yang boleh menyampaikan maksud ke dalam hati pendengar, lalu pendengar menjadi yakin seperti keyakinan yang dimiliki oleh penyampai itu sendiri dengan kaedah yang boleh diterima serta penampilan yang baik (Al-Askariy, n.d.). Pengkaji mendapati kajian oleh (Siti Sarah & M.Y.Zulkifli, 2012) yang bertajuk “*Penggunaan Gaya Bahasa Metafora Dalam Al-Qur’ān : Satu Tinjauan Awal*” telah melakukan penyelidikan terhadap ilmu metafora dalam bahasa Arab terletak dibahagian ilmu bayan yang merangkumi ilmu *tashbih*, ilmu *majaz*, ilmu *istiarah* dan ilmu *kinayah*. Ilmu *bayan* dari sudut bahasa bermaksud pendedahan dan penjelasan, manakala menurut terminologi suatu ilmu pengetahuan yang memerlukan satu makna dengan jalan yang berbeza dalam menerangkan bukti-bukti keatasnya (Hassan Ismail Abdul Razzaq, 2006).

Kalimah *tashbih* di dalam Kamus Idris al-Marbawiy (1350H) berasal daripada kata kerja *شبه-يشبه- تشبه* yang membawa maksud serupa, sama, sebanding dan beberapa maksud lain yang seumpamanya (Siti Fatimah & Harun, 2019). Seterusnya, al-Hashīmī menerangkan maksud *majaz* adalah lafaz yang memindahkan daripada makna asal dan digunakan untuk menunjukkan maksud yang lain dan sama dengannya (Al-Hasyimi, n.d.). Disamping itu, al-Sukkaki menerangkan maksud *istiarah* pula ialah dihilangkan “المشبه” atau “المشبه به” dan perlu menjadikan hubungan antara kedua dalam penyerupaannya (Muhammad Ahmad Qasim, n.d.). Manakala, al-Maraghi menyebut *kinayah* bermaksud makna yang disandarkan kepada perbuatan orang yang bercakap, lafaz perbuatan bukan membawa kepada makna hakiki, tetapi kepada makna lafaz perbuatan tersebut (Al-Maraghi, 1431).

Dalam pada itu, al-Qattan memberikan satu bahagian yang berbeza bahawa beliau menjelaskan tentang *amthāl* al-Qur’ān. Takrif *mathāl* di dalam al-Qur’ān ialah sebuah

ungkapan yang mudah, ringkas serta memberi kesan di dalam jiwa, sama ada ianya berbentuk tasybih atau ungkapan bebas (Manna' Al-Qattan, 1976). Sementara itu, kalimah *amthāl* adalah kata *jama'* kepada *mithl* yang memberi erti 'seperti' atau 'umpama'. Al-Jarbu' (2002) menerangkan kalimah *mathāl* membawa kepada beberapa makna iaitu antaranya sebagai kata-kata yang masyhur, dimana orang ramai menggunakannya dan menjadikannya sebagai kiasan. Adapun *mathāl* digambarkan sebagai sifat dan juga membawa makna 'seperti' atau 'seumpama' dan rata-rata ia seringkali digunakan di dalam al-Qur'an. Tambahan lagi, *mathāl* bermaksud contoh ikutan atau kayu ukur kepada sesuatu (Al-Jarbu', 2002).

Manna' al-Qattan dalam kitabnya *Mabahith Fi 'Ulum Al-Qur'an* ada menerangkan tiga jenis *amthāl* di dalam al-Qur'an. Antaranya *amthāl muṣarraḥah*, *amthāl kaminah* dan *amthāl al mursalah*. *Amthāl muṣarraḥah* ini bermaksud perumpamaan yang menggunakan kalimah *mathāl* (perbandingan atau perumpamaan) atau apa-apa kalimat yang merujuk kepada keadaan tersebut. Manakala, *amthāl kaminah* merujuk kepada ayat yang tidak menggunakan perkataan atau yang seumpama dengannya, namun memberikan makna yang indah dalam bentuk yang padat dan mempunyai kesan yang tersendiri apabila dipindahkan kepada ayat yang serupa dengannya. Lain daripada itu pula ialah *amthāl mursalah* yang bermaksud ayat yang diletakkan tanpa menggunakan lafaz *tasybih* secara jelas, tetapi ayat-ayat tersebut berfungsi sebagai ayat *mathāl* (Manna'' Al-Qattan, 1976).

1.8.4 Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih

Nama Sheikh Abdullah Basmeih ini tidak asing dalam kalangan para pencinta ilmu tafsir. Nama sebenar beliau ialah Abdullah Basmeih Bin Muhammad Basmeih dan beliau berasal dari Semenanjung Tanah Arab. Beliau dilahirkan pada 29 Disember 1913 akan tetapi tarikh lahir ini tidak dapat disahkan kerana ia berdasarkan ingatan Allahyarham Sheikh serta tidak dituliskan dalam mana-mana dokumen kelahiran. Pendidikan awal beliau bermula seawal tujuh tahun di Suq al-Layl, iaitu kawasan yang berdekatan dengan Masjidilharam. Pada usianya berusia belasan tahun, Sheikh Abdullah Basmeih telah dibawa oleh ayahnya berhijrah ke Tanah Melayu. Pada tahun 1927 hingga 1931 beliau telah mendapat didikan di Sekolah Melayu Pengkalan Balak dan Sekolah Melayu Bukit Cina di Melaka sehingga tamat pelajaran darjah lima. Setelah itu, beliau tidak dapat melanjutkan pembelajarannya kerana menghadapi kekangan kewangan (Wan Ramizah, 2019).

Selain itu, berbekalkan kepakaran dalam ilmu bahasa Arab, Sheikh Abdullah Basmeih telah menjalankan pelbagai aktiviti penterjemahan atau tafsiran buku dan artikel bahasa Arab ke bahasa Melayu. Contohnya, buku berkaitan Sejarah SalaHüddin al-Ayyubi, artikel pertama "*Teguran Cara Berwuduk*" dan artikel terjemahan daripada majalah al-Musawwar di Utusan Melayu. Tidak kurang juga, usaha murni beliau dalam karya ulungnya iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman yang merupakan sumbangan terbesar dalam kemajuan pengetahuan agama di tanah air. Oleh itu, penghargaan tertinggi telah dianugerahkan kepada beliau oleh kerajaan Malaysia. Antaranya, pada tahun 1973 beliau menerima pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dan pada tahun 1989 pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) serta anugerah Johan Mangku Negara (JMN) pada tahun 1994. Pada tahun yang sama juga beliau telah terpilih sebagai tokoh Maal Hijrah.

Namun pada tahun 1996, Sheikh Abdullah Basmeih telah menghembuskan nafas yang terakhir (Wan Ramizah, 2019).

Majlis Raja-raja telah memutuskan untuk menghasilkan tafsir al-Qur'ān 30 juzuk berbahasa Melayu dan telah memilih Ustaz Faisal bin Haji Othman. Namun disebabkan beberapa isu tertentu, khidmat ini telah dipindahkan kepada Sheikh Abdullah Basmeih dan tempoh menyiapkan tafsir ini adalah selama lima tahun bermula dari tahun 1968 sehingga 1972. Antara metodologi penulisan yang digunakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih ialah menterjemah setiap ayat al-Qur'ān dari awal sehingga akhir, meletakkan *muqadimah* pada setiap surah bagi menjelaskan isi-isi penting surah tersebut, meletakkan keterangan tambahan terhadap terjemahan ayat sama ada di pertengahan ayat berbentuk kurungan atau nota kaki serta menukilkan hadis nabawiyah sebagai maklumat tambahan. Kitab ini juga turut menjadi rujukan masyarakat daripada segenap lapisan sama ada individu, golongan ulama, ahli akademik mahupun mahasiswa seluruh Malaysia (Wan Ramizah, 2019).

Di samping itu, kajian ini memilih Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih yang merupakan sebuah kitab tafsir terjemahan al-Qur'ān berbahasa Melayu termasyhur di Malaysia. Kitab tafsir terjemahan ini telah menerima sambutan yang sangat positif, khususnya kalangan masyarakat Melayu (Nasimah Abdullah, 2015). Hal ini kerana, beliau menggunakan laras bahasa yang mudah dan senang difahami oleh para pembaca kerana ia memiliki keterangan yang diletakkan bersama nota kaki bagi menjelaskan terjemahan ayat al-Qur'ān yang memerlukan terjemahan terperinci (Ismail Yusoff, 1995). Oleh itu, ia dapat memupuk rasa cinta yang tinggi terhadap pembaca tentang keindahan dan hikmah daripada al-Qur'ān.

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terhadap Tafsir Pimpinan ar-Rahman sama ada berbentuk perbandingan terjemahan, analisis kaedah terjemahan dalam berbagai gaya bahasa al-Qur'ān, topik-topik khusus yang berkaitan dengan pandangan pemikiran terhadap isu-isu tertentu, sumbangan serta ciri-ciri dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman dan lain-lain lagi. Contohnya, Ahmad Zulfadhli (2013) telah menyelidiki perbandingan terjemahan tafsir Fi Zilal al-Qur'ān dengan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Adapun, kajian yang meneliti unsur kesantunan dalam terjemahan Abdullah Basmeih, terutama dalam menterjemahkan kata ganti nama diri dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dengan memberi perhatian kepada dialog antara ahli keluarga (Nasimah et. al, 2017).

Seterusnya, penyelidikan oleh Nasimah dan Nor Fatimah (2018) berkenaan kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman oleh Abdullah Basmeih. Antara kajian lain yang tertumpu pada Tafsir Pimpinan ar-Rahman seperti analisis terjemahan ayat *amthāl*, analisis metodologi terjemahan ayat-ayat *mustasybihat*, sumbangan dan ciri-ciri kitab tafsir tersebut (Muhammad Arif et al., 2018; Nur Nabilah, 2023; Nur Ain Hakimi et al., 2023; Robin & Nur Sakinah Fitriah, 2023). Hal ini menunjukkan, bahwa terdapat kajian lepas yang telah meneliti keistimewaan karya Sheikh Abdullah Basmeih dalam pelbagai aspek.

1.8.5 Kajian Terjemahan al-Qur'ān Daripada Pelbagai Aspek

Terdapat pelbagai perbahasan-perbahasan terjemahan al-Qur'ān yang menyentuh aspek hadith, qiraat, metodologi, gaya bahasa dan lain lain lagi. Contoh kajian lepas yang melibatkan hadith iaitu "*Metodologi penulisan Hadith dalam tafsir bahasa*

Melayu : Kajian perbandingan antara Tafsir al-Mishbāh dan Tafsir pedoman Muttaqin” oleh Parlindungan Simbolon. Hasil dapatan kajian mendapati melihat bahawa kaedah penulisan Tafsir Pedoman *Muttaqin* lebih menarik berbanding metode penulisan Tafsir *al-Mishbāh*. Keunikan tersebut terletak pada struktur penulisan hadith kepada bahasa Arab dan *takhrij* yang disampaikan bagi kedua-dua tokoh. Pada aspek hukum hadith pula, hadith-hadith yang diterangkan di dalam kitab kedua-dua tokoh tersebut tidak semuanya dibahagikan dalam maqbul akan tetapi ada yang mardud. Pengkaji mendapati hadith yang telah dikumpulkan mengikut kategori *maqbul* adalah sebanyak tujuh puluh dua (72) hadith dan lapan hadith dalam kategori mardud (Parlindungan Simbolon, 2013). Hal ini dapat dirumuskan, bahawa kajian ini hanya menerangkan bagaimana kaedah penulisan hadith yang dibuat oleh kedua-dua terjemahan al-Qur’ān kajian mereka.

Seterusnya, kajian oleh Azhan Yusoff dan Fadlan Othman (2013) yang berjudul “*Metodologi Shaykh Muhammad Sa’id Bin ‘Umar dalam Penggunaan Hadis: Kajian Analisis dan Kritis Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan*” adalah sebuah kajian yang menerangkan kaedah penggunaan hadis di dalam tafsir alam Melayu ini. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan metodologi penggunaan hadis mawquf bagi memastikan kedudukan hadis yang digunakan dan mengutarakan pandangan ulama mengenainya. Hasil dapatan perbincangan menjelaskan bahawa hadis mawquf adalah sumber yang penting serta kerap digunakan dalam tafsir bagi memahami maksud ayat al-Qur’ān. Oleh itu, hendaklah mengenalpasti kedudukan hadis tersebut agar tidak bercampur dengan anasir lain seperti israiliyat. Di samping itu, perbincangan ini juga menekankan sanad dan perawi untuk sesuatu hadis itu memainkan peranan penting bagi menentukan kesahihannya (Azhan Yusoff & Fadlan Othman, 2013). Pengkaji

merumuskan kajian ini memfokuskan darjat hadis mawquf yang terdapat dalam tafsir berbentuk bahasa Melayu.

Selain itu, kajian lain yang bertajuk “*Metodologi Hadis dalam Karya Al-Bayan Pada Ta’wil Ayat-Ayat Al-Qur’ān Karangan Abdul Aziz Salam*” oleh Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Mustaqim dan Mohamad Rozaimi Ramle. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendiskusikan permasalahan dan kaedah penulisan hadis yang terdapat di dalam karya tafsir al-Qur’ān yang dihasilkan oleh tokoh ulama Perak itu. Dalam kajian ini memperolehi tiga bentuk metodologi penulisan hadis. Antaranya, memetik teks hadis dalam bahasa Arab lalu menterjemah ke bahasa Melayu, menulis terjemahan hadis dalam bahasa Melayu sahaja dan menulis hadis berdasarkan kefahaman pengarang sendiri (Wahyu Hidayat et al., 2017). Pengkaji menyimpulkan kajian ini juga menyentuh hadith yang terdapat dalam tafsir al-Qur’ān.

Kemudian, kajian “*Analisis Kaedah Penulisan Hadith oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar*” oleh Imran Ab Rahim dan Roshimah Shamsudin adalah sebuah kajian yang memfokuskan tentang hadith di dalam terjemahan al-Qur’ān. Melalui dapatan kajian ini telah menjumpai dua bentuk perihal hadith iaitu teks hadith yang ditulis dalam bahasa Arab berserta barisnya pada terjemahan dalam bahasa Melayu Indonesia dan teks hadith yang telah diterjemah dalam bahasa Melayu Indonesia bersama potongan sebahagian teksnya dalam bahasa Arab dengan meletakkan barisnya. Namun, kedua-dua bentuk hadith tersebut terdapat hadith yang dinyatakan nama pengarang kitab dan perawinya dan ada juga hadith yang disertakan nama pengarang kitab tanpa menyatakan nama perawi. Pengkaji melihat bahawa Hamka menggunakan sentuhan yang pelbagai dalam metodologi penulisan hadith Tafsir al-Azhar (Imran & Roshimah, 2022).

Kesimpulannya, kajian ini hanya menyelidiki terjemahan al-Qur'ān dari sudut metodologi hadith.

Disamping itu, terdapat juga kajian yang menyentuh bidang metodologi terjemahan al-Qur'ān. Misalnya, kajian yang bertajuk "*Metodologi Pentafsiran HAMKA Terhadap Ayat-Ayat Hukum dalam Tafsir Al-Azhar*" oleh Mohd Fazali bersama ahli kumpulan penyelidikannya. Tujuan kajian ini adalah ingin menerokai kaedah yang diaplikasi oleh HAMKA di dalam menterjemahkan ayat-ayat hukum dengan memberikan misal berkaitan ayat ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat. Hasilnya, metodologi yang dipakai di dalam Tafsir al-Azhar karya HAMKA mencakupi tafsir bi *al-ma'thur*, tafsir bi *al-ra'y* serta tafsir bi *al-isyari*. Akan tetapi, metodologi tafsir bi *al-ma'thur* lebih banyak dipakai berbanding metodologi yang lain (Mohd Fazali et al., 2017). Natiujahnya, pengkaji hanya menitikberatkan metodologi penulisan pentafsiran kepada beberapa bahagian ayat al-Qur'ān sebagai kumpulan data kajian yang berkaitan.

Seterusnya, kajian terdahulu yang ditulis oleh Arieff Salleh Rosman dan Mohd Zikri Samngani (2010) bertajuk "*Perbandingan Metodologi Penafsiran Tafsir Al-Azhar Dan Fi Zilal Al-Qur'ān Dalam Surah Al-Ra'du*". Kajian ini telah meninjau kaedah tafsir serta perbandingan pada tafsir Fi Zilal al-Qur'ān dan Tafsir al-Azhar dalam menterjemah al-Qur'ān. Secara keseluruhan, kajian ini memperolehi bahawa tafsir Fi Zilal al-Qur'ān dan Tafsir al-Azhar menggunakan penterjemahan *bi ma'thur* dan *bi ra'yi*. Ia mempunyai kelainan dari sudut tema, gaya serta kaedah penafsiran dalam sesuatu ayat dalam surah tersebut (Arieff Salleh Rosman & Mohd Zikri Samngani, 2010). Hal ini, pengkaji merumuskan bahawa kajian berikut adalah berfokus pada satu surah sahaja dengan menjelaskan metodologi terjemahan tafsir sekaligus meneliti perbandingan antara dua kitab tafsir kajian mereka.

Lain daripada itu, Fadly, Hafizi, & Ruswani (2017) kajian yang bertajuk *“Metodologi Dan Pemikiran Syaykh Mustafa Abdul Rahman: Kajian Terhadap Karya Tafsir Al-Qur’ān Al-Hakim Juzu’ Satu”* telah membincangkan aspek kaedah dan fikrah terhadap tafsir kajiannya. Perbahasan ini memperolehi bahawa Syaykh Mustafa Abdul Rahman Mahmud mengaplikasikan kaedah dan budaya fikiran dalam Tafsir al-Qur’ān al-Hakim pada jilid pertama dengan memberikan nafas baru berdasarkan kitab tafsir al-Manar dan tafsir al-Maraghi sebagai rujukan dan panduan pembinaan tafsir berikut (Muhamad Fadlly et al., 2017). Rumusnya, kajian ini hanya merangkan kaedah dan cara fikir oleh Syaykh Mustafa Abdul Rahman dalam menghasilkan sebuah karya tafsir yang berkualiti dan bermanfaat untuk masyarakat.

Selain itu, kajian oleh Ahmad Bazli et al. (2018) yang berjudul *“Aspek Pemikiran Dan Metodologi Penyampaian Al-Marbawi Dan Abdul Rahman: Perbandingan Dalam Pentafsiran Surah Yasin”* menjelaskan tentang keistimewaan kedua-dua tokoh mufassirin dari segi aspek pemikiran mahupun metodologi yang mempunyai identiti atau ciri-ciri tersendiri. Adapun, dinyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut adalah kerana faktor kecenderungan, tahap keilmuan, suasana masyarakat, persekitaran dan lain lagi. Berlakunya perbezaan antara dua tokoh ini adalah bergantung kepada hasrat dan tujuan penulisan individu (Ahmad Bazli et al., 2018). Tuntasnya, kajian ini hanya memfokuskan tafsiran surah yassin sahaja dengan melihat perbandingan kaedah serta cara pemikiran tokoh-tokoh dan kaedah persembahan tafsiran tersebut.

Kemudian, kajian lain yang juga menyentuh aspek metodologi terjemahan berjudul *“Metodologi Tuan Guru Abdul Hadi Awang Dalam Kitab Al-Tibyan Dalam Mentafsirkan Al-Qur’ān (Surah al-Saf)”* karya Sahlawati Abu Bakar. Perbahasan yang

dibincangkan adalah berkaitan metodologi kitab al-Tibyan dalam menterjemahkan al-Qur'an oleh Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang dan menyelidiki beberapa aspek penulisan seperti rujukan kepada hadis dan sumber penafsiran. Namun, kitab tafsir ini menumpukan pada tafsiran surah al-Saf. Hasil kajian menjumpai lima tema di dalam kitab *al-Tibyan* iaitu muqaddimah, kewajipan mengotakan apa yang dikata, wajib berada dalam jemaah Islamiyyah, pengajaran daripada kisah kaum yang menolak kebenaran dan kemenangan hanya didapati melalui pengorbanan. Penulis kajian juga merujuk hadis di dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dan ayat al-Qur'an yang mempunyai persamaan tema (Sahlawati Abu Bakar, 2018). Kesimpulannya, kajian ini hanya mengkaji berkaitan kaedah penulisan dan pentafsiran kitab tersebut yang hanya memiliki surah al-Saf.

Selanjutnya, Amran Abdul Halim et al. (2019) karyanya yang bertajuk "*Kajian Metodologi Penulisan Tafsir Nur Ihsan*" membincangkan berkenaan metodologi penulisan dan terjemahan al-Qur'an berbahasa Melayu. Kajian ini dijalankan bermotifkan mengenalpasti cara penulisan kitab tersebut dengan mengamati bentuk atau kaedah karangannya. Hasil perbincangan menemui penulisan kitab tersebut adalah dengan kaedah tafsir al-Qur'an secara ijmal yang bermaksud ringkas serta mudah difahami. Namun, daripada sudut penafsiran atau terjemahan dilihat Haji Muhammad Said Umar menggunakan teknik gabungan antara kaedah tafsir bi al-ma'thur dan kaedah tafsir bi al-ra'yi. Adapun, pengkaji menyatakan bahawa cara penulisan kitab ini serupa dengan penulisan kitab tafsir jalalain (Amran Abdul Halim et al., 2019). Sehubungan itu, pengkaji menyimpulkan kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah penulisan dan terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian oleh Nur Saadah Hamisan et al. (2014) bertajuk “*Gaya Persembahan Tafsir Al-Azhar Dan Tafsir ‘Abr Al-Athir: Satu Perbandingan Bagi Penafsiran Surah Al-Mujadalah*” adalah berkaitan kaedah terjemahan al-Qur’an. Setelah diteliti dan pemerhatian dibuat, kajian menjumpai perbezaan pada kaedah bahasa yang digunakan, kaedah pentafsiran dan kaedah penafsiran bagi kedua-dua tasfir kajian. Namun begitu, terdapat persamaan dari sudut pengajaran dan panduan di dalam Surah al-Mujadalah berdasarkan Tafsir Al-Azhar dan Tafsir ‘Abr Al-Athir (Nur Sa’adah et al., 2014). Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian ini meneliti perbezaan dan persamaan Tafsir Al-Azhar dan Tafsir ‘Abr Al-Athir menerusi surah pilihan kajian.

Selain itu, terdapat kajian terjemahan al-Qur’an terhadap uslub ataupun gaya bahasa. Antaranya, kajian yang berjudul “*Penggunaan Gaya Bahasa Metafora Dalam Al-Qur’an : Satu Tinjauan Awal*” oleh Siti Sarah Izham dan M.Y. Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2012). Kajian ini dijalankan sebagai usaha untuk mempamerkan bahawa al-Qur’an menggunakan uslub yang terunggul, mempersonakan kalbu dan menyentuh perasaan yang halus kepada pendengar melalui elemen ilmu retorik iaitu gaya bahasa metafora. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih beberapa ayat al-Qur’an yang mempunyai ilmu tasybih, ilmu majaz, ilmu istiarah dan ilmu kinayah. Kesimpulannya, gaya bahasa al-Kitab amatlah luar biasa dan tiada tandingan oleh sesiapa pun hatta masyarakat Arab yang masyhur dengan bidang bahasa tersebut (Siti Sarah & M.Y.Zulkifli, 2012). Pengkaji menemukan bahawa kajian ini hanya membincangkan tentang metafora al-Qur’an secara menyeluruh yang merangkumi beberapa ayat pilihan.

Adapun kajian terdahulu oleh Siti Sarah (2013) yang berjudul “*Uslub Metafora Dalam Al-Qur’an : Kajian Terhadap Surah Al-Kahfi*”. Kajiannya telah menyingkap uslub metafora dalam al-Qur’an khusus kajian terhadap surah al-Kahfi. Kajian ini telah

menemukan beberapa perkara besar berdasarkan kajian iaitu metafora terhadap al-Qur'ān dikaitkan dengan *tashbih muakkad*, *tasybih baligh* dan *isti'arah*. Akan tetapi, berdasarkan pemerhatian kajian Siti Sarah (2013) telah menjumpai dua (2) bentuk metafora di dalam surah al-Kahfi iaitu tujuh kisah besar yang mempunyai metafora dan enam belas ayat yang dikesan menggunakan metafora pada struktur ayatnya (Siti Sarah Izham, 2013). Maka, kajian ini didapati telah menyenaraikan metafora-metafora yang terdapat pada surah al-Kahfi sahaja.

1.8.6 Kajian-kajian berkaitan *amthāl*.

Terdapat juga kajian yang memfokuskan terus pada *amthāl*. Antaranya, kajian yang bertajuk "*Metafora Dalam Surah Āli-Imrān Dan Al Jumu'ah (Analisis Terjemahan Al-Qur'an Mahmud Yūnus)*" oleh Erik Dikwan membincangkan tentang keistimewaan ayat-ayat metafora, menerangkan makna yang tersirat dan tersurat dan menelaah terjemahan Mahmud Yūnus dalam ayat metafora. Selain itu, kajian ini menerangkan bahawa metafora yang dibahasakan adalah merujuk kepada *amthāl* atau perumpamaan. Hasil kajian memperolehi terjemahan al-Qur'ān oleh Mahmud Yūnus khususnya pada surah al-Jumu'ah dan Āli-Imrān tidak terkeluar daripada maksud sebenar walaupun terjemahan beliau berbentuk tekstual dan terjemahan berikut sesuai dengan asli (Erik Dikwan, 2007). Pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini hanya memilih dua surah pilihan bagi meninjau terjemahan ayat *amthāl* yang terdapat padanya.

Seterusnya, kajian Hafni Bustami (2013) yang bertemakan "*Ayat-ayat Tamstīl Al-Qur'an (Analisis Stilistika)*". Penyelidikan ini dilaksanakan bagi menerokai bentuk-bentuk tamstīl serta manfaatnya bagi manusia. Dapatan kajian telah menemukan 168

kali ayat-ayat yang mengandung *tamtsîl* dalam al-Qur'ân dalam berbagai bentuk. Rumusnya, *tamtsîl* mempunyai beberapa bentuk iaitu *tamtsîl sharîh*, *mursal* dan *kâminah*. Manakala, manfaatnya yang boleh diamalkan oleh umat manusia adalah sebagai *targhîb*, *tarhîb*, *tahzîr*, *mau'izhah* dan *i'tibâr* (Hafni Bustami, 2013). Pengkaji merumuskan bahawa kajian ini telah mengeluarkan secara keseluruhan ayat terjemahan yang berkaitan dengan ayat perumpamaan serta kebaikan yang diperoleh darinya.

Adapun kajian lain oleh Ummi Nur dan Dr. Tengku Intan Zarina yang berjudul “*Analisis Tema Amthâl Dalam Pendidikan Al-Qur'ân*” juga menyentuh bahagian perumpamaan al-Qur'ân. Dapatan perbincangan merungkai enam tema *amthâl* iaitu manusia, haiwan, alam, surah, hadith dan pendidikan. Tema-tema ini sering berhubungkait dengan kehidupan manusia dan sinonim dengan didikan bagi seluruh manusia. Secara tidak langsung tema-tema *amthâl* ini akan memberi ruang kepada manusia akan lebih mudah untuk berfikir dan menghayati tentang hakikat kehidupan sebenar sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini (Ummi Nur & Tengku Intan Zarina, n.d.). Kajian ini pula merumuskan bahawa terdapat pelbagai tema yang ditemui daripada penelitian terhadap ayat perumpamaan berkaitan pendidikan sahaja.

Selain itu, Abu Bakar (2017) juga membincangkan skop *amthâl* yang tajuk kajian iaitu “*Nilai-Nilai Pendidikan Pada Ayat-Ayat Amthâl Dalam Al-Qur'ân Surah Al-Baqarah*”. Dalam kajian ini, penulis telah melakukan penelitian dengan menentukan ayat yang mempunyai ciri-ciri yang terdapat *adat tashbih* sahaja. Berdasarkan penelitian tersebut, penulis telah menjumpai beberapa ayat pada surah al-Baqarah iaitu pada ayat 17-19, 146, 171 dan 265. Setelah menganalisis ayat tersebut, mufassir telah

memberi pandangan mereka bahawa wujud nilai-nilai yang baik yang boleh dijadikan sebagai pedoman hidup dunia dan akhirat (Abu Bakar, 2017). Kajian ini didapati hanya meneliti ayat perumpamaan yang berada di surah al-Baqarah sahaja.

Sementara itu, kajian oleh Abdul Syukkur (2018) membahaskan tentang “*Peran Amthāl Al-Qur’ān Sebagai Instrumen Kemukjizatan Dan Penggugah Jiwa*”. Kajian ini menerangkan bahawasanya fungsi *amthāl* dan membuktikan kemukjizatan al-Qur’ān yang tidak boleh diatasi oleh semua makhluk di muka bumi ini. Malah ia mampu menggetarkan jiwa dan mudah memberi kesan alam sanubari bagi sesiapa yang membacanya. Natiujahnya, *amthāl* mampu menjelaskan intipati al-Qur’ān untuk menceritakan keajaibannya tersendiri bagi menarik minat para pembaca terhadap kandungan al-Qur’ān sekaligus menyatakan perkara-perkara ghaib dan nyata (Abdul Syukkur, 2018). Namun demikian, kajian ini dapat disimpulkan bahawasanya tidaklah menyentuh aspek terjemahan ayat *amthāl* malah ia hanya membahaskan tentang peranannya sahaja.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang menyelidik aspek terjemahan ayat *amthāl* di dalam karya terjemahan al-Qur’ān berbahasa Melayu seperti kajian Muhammad Arif Musa et al. (2018) yang bertajuk “*Terjemahan ayat amthāl di dalam al-Qur’ān : Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman*”. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis ayat *amthāl* berbahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga telah melakukan perbandingan antara terjemahan tersebut dengan kefahaman ayat *amthāl* berdasarkan kitab *Taisir al-Karim al-Rahman* karya Abd al-Nāsir al-Sa’di. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ayat *amthāl* mampu memberi maksud ayat yang baik, namun terdapat juga terjemahan yang disampaikan

secara literal dan tidak mendalam serta kurang memberikan penjelasan (Muhammad Arif Musa et al., 2018).

Seterusnya, kajian oleh Hepni Putra (2019) telah mengkaji “*Gaya Bahasa Amthāl Al-Qur’ān*” iaitu fokus kajian terhadap ayat *amthāl* yang merangkumi skop haiwan. Kajian ini telah menerangkan konsep gaya bahasa *amthāl* serta menggunakan kalimah *al-an’am* yang digunakan dalam al-Qur’ān. Kalimah *al-an’am* tercatat sebanyak 32 kali di dalam al-Qur’ān dan membincangkan tentang kehidupan, anugerah, kebaikan serta diletakkan keterangan dengan menggunakan pendekatan *amthāl* untuk memperolehi pengajaran dari segi spiritual mahupun moral. Beliau telah memilih haiwan kerana menurutnya ia merupakan salah satu makhluk yang hidup atau berdamping dengan kehidupan manusia. (Hepni Putra, 2019).

Selain itu, kajian Rahayu (2019) iaitu “*Amtsāl Al-Qur’ān dalam Tafsir Ruh Al-Ma’ani karya Al-Alusi (Kajian pada Surah Al-Isra’)*”. Kajian ini dilaksanakan dengan dua objektif iaitu menjelaskan maksud dan bahagian *amthāl* di samping mengeluarkan keseluruhan ayat *amthāl* yang ada di dalam surah al-Isra’. Berdasarkan penelitian penulis mendapati *amthāl musharrahah*, *amthāl al kāmīnah* dan *amthāl mursalah* dalam surah al-Isra’. Secara keseluruhan, penulis memperolehi 24 ayat *amthāl* pada surah al-Isra’ iaitu 5 ayat *amthāl al-musharrahah*, 12 ayat *amthāl al-kāmīnah* dan 7 ayat *amtsāl al-mursalah*. Sehubungan dengan itu, penulis juga membincangkan pengajaran dan kebaikan melalui terjemahan ayat *amthāl* (Hayu Rahayu, 2019)

Kajian Muhammad Arif (2019) berjudul “*Terjemahan Ayat Amthāl Di Dalam Al-Qur’ān : Kajian Terhadap Tafsir Quran Karim Karya Prof. Dr. H. Mahmud Yūnus*” bertujuan untuk menganalisis terjemahan ayat *amthāl* ke bahasa Indonesia. Dapatan kajian terhadap Tafsir Quran Karim karya Prof. Dr. H. Mahmud Yūnus mendapati

Mahmud Yūnus mempunyai metode atau kaedah yang baik di dalam memperincikan metafora al-Qur’ān dengan menggunakan tafsiran tambahan dalam kurungan serta meletakkan juga komentar tambahan di nota kaki. Namun, pengkaji mendapati Mahmud Yūnus menterjemahkan sebahagian ayat metafora al-Qur’ān secara literal tanpa pernyataan tambahan (Muhammad Arif Musa et al., 2019).

Seterusnya, kajian oleh Hafiz Umair Ulzar et al. (2023) yang berjudul “*The Parables and Islamic Scriptures*” yang membahaskan tentang konsep *amthāl*. Kajian ini telah mengumpulkan pelbagai pandangan ulama-ulama Islam berkaitan definisi. Antaranya, Allāma Ibn Taymiyya dan Ibnu Qayyim al-Jawziyya. Kajian ini juga menerangkan tentang kepentingan *amthāl* dalam al-Qurān, hadīth dan perspektif Islam. Terdapat juga beberapa contoh *amthāl* di dalam al-Qurān dan hadīth yang dijelaskan dalam kajian tersebut (Gulzar et al., 2023). Maka, pengkaji merumuskan kajian tersebut hanya fokus pada pengertian, signifikansi dan contoh-contoh *amthāl*.

Seterusnya, pengkaji telah mengumpulkan beberapa kajian yang menumpukan terhadap *amthāl muṣarraḥah*. Antaranya, kajian Mardiah (2017) yang bertajuk “*Amsal Muṣarraḥah dalam Al-Qur’ān Surat Al-Baqarah : Analisis Semantik*”. Kajian beliau telah menemukan 6 ayat *amthāl muṣarraḥah* di dalam surah al-Baqarah serta mengidentifikasi unsur-unsur *tasybih* dan makna denotatif serta konotatif yang terdapat pada ayat tersebut. Hasil dapatan kajian tersebut telah menjumpai unsur *tasybih* seperti *musyabbah*, *musyabbah bih*, *adatu at-tasybih*, dan *wajhu syabhi* pada ayat *amthāl muṣarraḥah*. Manakala, bagi makna denotatif dan konotatif adalah pada kata menyalakan api, hujan lebat, penggembala, benih, batu licin dan kebun (Mardiah, 2017). Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kajian ini tertumpu kepada *amthāl muṣarraḥah* dalam surah baqarah.

Selain itu, menurut kajian “*Amthāl Muṣarraḥah Dalam Qs. Ibrāhīm Ayat 24-27 Menurut Para Mufassir*” oleh Ahmad Dihan Syarif (2020) ini telah membuat penelitian bahawa para mufassir zaman muta’addimin, muta’akhirin dan kontemporari mempamerkan persamaan dalam menafsirkan surah Ibrāhīm. Namun, berlaku perluasan makna pada beberapa kata dalam memahami Surah Ibrāhīm ayat 24 hingga 27 tersebut pada zaman kontemporeri. Rumusan kajian ini telah menukilkan nilai ketauhidan, nilai pendidikan, dan nilai akhlak yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian (Ahmad Dihan Syarif, 2020). Pengkaji menyimpulkan bahawa kajian berikut adalah berfokus pada ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam surah Ibrāhīm dengan penjelasan ulama-ulama pilihan.

Adapun kajian oleh Rukmono Aji (2021) bertajuk “*Amsal Muṣarraḥah Dalam Surah Al-Baqarah (Studi Tafsir Al-Misbāh)*” membahaskan ayat-ayat perumpamaan yang jelas pada surah al-Baqarah serta fokus terhadap tafsiran Quraish Shihab. Hasil penitilian terhadap kajian di atas, pengkaji berikut berpendapat bahawa Tafsir al-Misbāh telah menggunakan metode *bil al-ma’sur* dan *bi ar-ra’yi* pada ayat *amthal mussarahah*. Pengkaji tersebut mendapati ayat *amthal mussarahah* membahaskan dua perkara iaitu golongan munafik atau kafir serta sifat golongan yang menginfakkan harta ke jalan Allah SWT (Rukmono, 2021). Rumusnya, kajian berikut tidak meneliti keseluruhan ayat *amthal* dalam al-Qur’an.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, pengkaji mendapati bahawa tiada kajian khusus berkenaan aspek terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang merangkumi keseluruhan al-Qur’ān mengikut kepada kadar pengetahuan pengkaji. Kesimpulannya, kajian ini dicadangkan akan meneliti dengan lebih terperinci ketepatan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* terhadap karya Tafsir Pimpinan ar-Rahman serta menilai kesesuaian

terjemahan ayat tersebut menerusi beberapa kitab tafsir muktabar pilihan. Disamping itu, kajian ini juga akan merumuskan kaedah yang terbaik dalam menterjemahkan ayat *amthāl muṣarraḥah*.

1.9 Definisi dan Istilah

Berdasarkan tajuk kajian ini, terdapat dua terminologi yang memerlukan penjelasan lebih lanjut agar mempunyai kefahaman yang lebih baik terhadap kajian yang akan dijalankan. Berikut adalah:

1.9.1 Amthāl

Amthāl merupakan salah satu cabang ilmu berkaitan dengan uslub atau gaya bahasa yang menjelaskan tentang makna dan aspek-aspek berkaitan keajaiban al-Qur'ān. *Amthāl* berperanan untuk menggambarkan sesuatu keadaan terhadap ayat al-Qur'ān yang disampaikan. Perkataan *amthāl* ditulis dalam bahasa Arab yang merupakan bentuk jamak dari *mathāl*, yang mana secara dasar bermaksud *syibh* disebut juga keserupaan, kesamaan, hujjah iaitu bukti atau alasan (Hepni Putra, 2019).

Al-Zamakhshari (1998) menjelaskan *amthāl* adalah asal perkataan daripada *mathal* bermaksud yang serupa atau yang sebanding. Kalimah *mitsil*, *matsal* dan *matsil* adalah sama seperti *syibh*, *syabah* dan *syabīh* (Al-Zamakhshari, 1998). Hal ini menjelaskan bahawa *amthāl* dan *tasybih* mempunyai fungsi yang sama iaitu ingin menyampaikan sesuatu makna akan tetapi menggunakan kaedah perumpamaan atau kiasan. Oleh demikian, kajian ini akan mengkaji bentuk terjemahan yang mempunyai sifat-sifat *amthāl muṣarraḥah* sahaja.

1.9.2 Terjemahan

Terjemahan merupakan kaedah atau metode yang didefinisikan sebagai alat alih bahasa ke bahasa yang lain. Terjemahan bermaksud sesuatu hasil yang didapati berdasarkan penterjemahan (*Kamus Dewan Edisi Ke-4*, 2007). Tujuannya adalah untuk menghasilkan sebuah karya yang baharu dengan tidak mengubah teks asal kepada yang lain. Kaedah ini dapat dilihat berdasarkan kepada kesungguhan para ilmuwan untuk menyampaikan dakwah atau ilmu kepada masyarakat setempat. Sebagai contoh, Al-Qur'ān yang dituliskan di dalam bahasa Arab kini telah diterjemahkan di dalam pelbagai bahasa. Antaranya bahasa ke bahasa Melayu, Inggeris, Indonesia dan sebagainya.

Selain itu, definisi terjemahan oleh *Eugene A. Nida* dan *Charles R. Taber*, dalam buku mereka *The Theory and Practice of Translation*, mendefinisikan penterjemahan sebagai kegiatan menghasilkan kembali di dalam bahasa penerima yang sepadan dengan bahasa sumber atau asal. Bahkan penterjemahan tersebut hendaklah sering dikaitkan dengan makna dan gaya karya tersebut (Erik Dikwan, 2007). Sebagai ahli penterjemah, perlu mempunyai disiplin yang tegas di dalam proses penterjemahan agar seiring dengan maksud sumber asal. Hal ini kerana kegiatan ini dilakukan bagi menyantuni budaya asing dan luar di dalam ilmu pengetahuan yang hendak disampaikan. Namun, kajian ini tidak melihat kepada terjemahan *harfiyyah*, akan tetapi fokus terhadap terjemahan *tafsiriyyah* yang menekankan penjelasan dan interpretasi makna adalah penting dalam memastikan kefahaman yang lebih mendalam tentang konteks budaya dan konsep yang mungkin sukar diterjemahkan secara literal. Oleh demikian, pengkaji akan meneliti bagaimana terjemahan *tafsiriyyah* yang dibuat setelah berlakunya peralihan bahasa di dalam proses penterjemahan."

1.10 Kesimpulan Bab

Bab ini telah menghuraikan secara terperinci bermula dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan literatur serta definisi dan istilah bagi kajian ini. Seterusnya, bab kedua akan mengupas lebih lanjut berkaitan konsep ayat *amthāl* dengan baik berdasarkan data-data yang diperolehi melalui metodologi kajian yang dipilih





Rajah 1:2: Terjemahan Ayat *Amthāl Muşarraĥah* di dalam al-Quran berdasarkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman